

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (JOHOR)

JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

ISMAIL BIN AHMAD

KETUA UNIT KUALITI :

SITI RAHAYU BINTI SARMAN

PENYELARAS :

SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM

PENULIS :

1. MOHD HAKIMI BIN HARMAN
2. MUHAMMAD YASSAR BIN YUSRI
3. SUHANA BINTI MOHAMED
4. NUR FATIHAH BINTI SHAARI
5. NOR DIYANA BINTI MD SIN
6. AHMAD MARZUKI AMIRUDDIN BIN OTHMAN
7. FAZRUL HANIM BINTI ABD SATA

8. MUHAMAD ASHAARI BIN SUKAR
9. MOHAMAD HAFIZ BIN ROSLI
10. NUR SYAFIKAH BINTI IBRAHIM
11. NOR HALIZA BINTI HAMZAH
12. NOR HAZILA BINTI ISMAIL
13. JUYATI BT MOHD AMIN
14. SYAZWANI BINTI ABD RAHIM
15. QAMARUL NAZRIN BIN HARUN
16. MOHD KHAIRUL ARIFF BIN NOH
17. NORAZAM BIN ARBIN
18. DIA WIDYAWATI BINTI AMAT
19. ZURAIDAH BINTI SUMERY
20. NURUL AIN UMAIBAN BINTI YUSOF
21. AZYAN ZAFYRAH BINTI MOHD ZAHID
22. HUSNIZAM BIN HOSIN
23. NORSALIZA BINTI ABU BAKAR
24. NOR FAUZIAH BINTI ABU BAKAR
25. SITI RAHAYU BINTI SARMAN
26. RUSNANI BINTI MOHAMAD KHALID
27. MAHFUZAH BINTI MOHAMMED ZABIDI
28. SITI ZARIKH SOFIAH BINTI ABU BAKAR
29. SITI SALIMAH BINTI JALAL
30. CHE' KHALILAH BINTI MAHMOOD
31. SYAIMAK BINTI ISMAIL @ MAT YUSOFF
32. SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM
33. SUSANNA BITHIAH VARMA A/P RAJA RAVI VARMA
34. MOHAMAD ALBAR BIN BAKAR
35. ROHAYU BINTI AHMAD
36. WAN SYARIZAWANI BINTI WAN CHIK

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ diterajui oleh Prof. Dr. Hj. Ismail bin Ahmad selaku Rektor UiTMCJ dibantu oleh Penolong Rektor yang menerajui Kampus Pasir Gudang dan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang sentiasa bersedia untuk menjadikan UiTMCJ sebuah universiti tempatan yang tersohor dalam bidang pengurusan dan teknologi berteraskan jaringan industri dan keusahawanan. UiTMCJ mengamalkan sistem pengurusan yang sistematik, dinamik dan efisien bagi mencapai segala objektif dan perancangan berkaitan pengurusan kampus. Bagi penilaian Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2021, Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah memilih bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**.

Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa menyokong, mendorong dan menyediakan kemudahan dalam pelbagai bentuk sama ada kemudahan infrastruktur, sokongan kewangan dan juga moral bagi memastikan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Kepimpinan Kanan juga sentiasa membuka ruang dan peluang untuk merencana halatuju jaringan masyarakat, menyokong aktiviti masyarakat setempat demi mencapai visi dan misi UiTMCJ berlandaskan nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan. Seajar dengan teman kampus: Simfoni Alam, Digital dan Bestari, UiTMCJ sentiasa bergerak maju dalam memastikan segala iniatif yang dirancang terlaksana dengan jayanya.

Justeru, Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah memilih tiga tema utama bidang tumpuan untuk diketengahkan dari aspek Jaringan Industri dan Keusahawanan bagi penulisan AKNC 2021. Tiga (3) tema utama bidang tumpuan ialah **Industry Agropreneur, Entrepreneurial Hub dan Smart Industry Engagement**. Pada tahun 2019-2020, UiTMCJ sentiasa merancang program-program kolaborasi bersama industri yang dibantu oleh MASMED UiTMCJ khususnya. Ianya bukan sahaja program yang bersifat kemahiran semata-mata, malah ianya disusuli dengan latihan praktik.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah menyediakan perancangan teliti yang disusun atur dengan efisien bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang berdasarkan tiga (3) tema utama bidang tumpuan yang telah dipilih di bawah Jaringan Industri dan keusahawanan.

Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah memurnikan Dokumen Perancangan Strategik UiTM 2016-2020 (RMK-11) dan Perancangan Strategik UiTM 2025 sebagai model hala tuju strategik dalam penetapan KPI (*Key Performance Indicators*) sejajar dengan matlamat UiTM. Bagi memperkasakan Jaringan Industri dan keusahawanan, Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah merangka KPI bagi UiTMCJ dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan keusahawanan untuk menjamin keberhasilan objektif strategik KPI yang telah dirangka berdasarkan pematuhan kepada visi dan misi universiti. Penetapan KPI dirangka bagi memastikan ianya mampu mencapai objektif BPJIA khususnya (**Lampiran 1.2.1**). Setiap projek akan dinilai untuk menentukan pencapaian berdasarkan indikator yang telah disediakan. Melalui perancangan strategik, Kepimpinan Kanan UiTMCJ dapat menilai serta memantau pergerakan setiap projek di bawah Jaringan Industri dan keusahawanan.

Bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan bagi objektif yang dirancang, Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan setiap ketua unit memberi pelaporan pencapaian pada setiap 3 bulan. Seterusnya, Penyelaras Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) akan membentangkan pencapaian sebenar kepada Kepimpinan Kanan UiTMCJ di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) yang diadakan empat (4) kali setahun. Kepimpinan Kanan UiTMCJ akan membuat penilaian bagi setiap perincian pelaporan untuk memastikan program yang dianjurkan mampu mencapai objektif yang telah dirancang (**Lampiran 1.2.2**).

Seterusnya, mesyuarat JKEN bertarikh 8 Januari 2020 telah meluluskan peruntukan bagi mengadakan Bengkel Pensejajaran Dokumen Perancangan Strategik 2016-2020 UiTM dan Perangkaan Pelan Strategik UiTM 2025 (**Lampiran 1.2.3**). Bengkel tersebut telah diadakan pada 13-15 Februari 2020 di ILD Bandar Enstek yang menelan kos sebanyak RM27,120 serta dihadiri oleh kesemua ketua unit di kedua-dua kampus Segamat dan Pasir Gudang. Kepimpinan Kanan UiTMCJ membincangkan beberapa Projek Khas Rektor iaitu *Global Visibility*, *Students' Entrepreneurial Hub*, *SULAM@Johor*, *MyRA mybook*, *Smart Partnership* dan *Local Warrior* dalam menetapkan Pelan Strategik UiTMCJ. Hasil daripada bengkel yang telah dilaksanakan, Ketua Unit Pengurusan Kualiti membentangkan UiTM Cawangan *Johor Strategic Planning Structure 2020* di dalam mesyuarat JKEN pada 4 Mac 2020 bagi memastikan Kepimpinan Kanan UiTMCJ bersedia untuk menggerakkan PTJ dalam melaksanakan Pelan Strategik yang telah dirancang (**Lampiran 1.2.4**).

SENARAI BUKTI:

1. [1.2.1 Objektif BPJIA UiTMCJ.pdf](#)
2. [1.2.2 Muka Depan Minit Mesyuarat Ketua Bahagian.pdf](#)
3. [1.2.3 Minit Mesyuarat Kelulusan Bengkel Strategik.pdf](#)
4. [1.2.4 Minit Mesyuarat Pembentangan KUK.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelbagai pendekatan yang sistematik telah digunakan bagi memastikan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dilaksanakan dengan jayanya. Antaranya dengan memperkasakan struktur organisasi BPJIA UiTMCJ. Bagi melancarkan proses pengurusan, pengendalian dan pementapan Jaringan Industri dan Keusahawanan yang diketuai oleh Timbalan Rektor BPJIA, beberapa koordinator unit telah dilantik (**Lampiran 1.3.1**).

Selain itu, pendekatan kolaborasi bersama pihak dalam dan luar universiti juga menjadi keutamaan barisan Kepimpinan Kanan UiTMCJ dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 1.3.2**). Untuk itu, pelaksanaan aktiviti yang dirancang oleh setiap unit telah mendapat bantuan dan sokongan terus dari unit, bahagian dan fakulti di UiTMCJ. Organisasi luar juga dilibatkan secara langsung bagi memastikan UiTMCJ sentiasa relevan dengan kehendak industri.

Bagi memastikan setiap inisiatif dapat dilaksanakan dengan jayanya, dan penyebaran maklumat yang efektif dan berkesan kepada pihak-pihak berkepentingan, terdapat pelbagai medium komunikasi yang digunakan oleh pihak Kepimpinan Kanan UiTMCJ. Antara kaedah komunikasi dua hala dan terbuka yang diamalkan adalah sesi Amanat Bulanan Rektor, taklimat timbalan-timbalan Rektor, perjumpaan, dan mesyuarat bersama warga UiTMCJ. Seiring dengan perkembangan teknologi terkini, maklumat yang boleh terus dicapai melalui aplikasi media sosial seperti emel, laman sesawang, *Facebook rasmi UiTMCJ*, youtube rasmi UiTMCJ dan *WhatsApp* turut dijadikan sebagai saluran komunikasi utama (**Lampiran 1.3.3**). Ini sejajar dengan prinsip Kepimpinan Kanan UiTMCJ yang sentiasa menggalakkan cetusan idea baru untuk tujuan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan UiTMCJ

SENARAI BUKTI :

1. [1.3.1 Carta Organisasi BPJIA UiTMCJ.pdf](#)
2. [1.3.2 Perbincangan Bersama Industri.pdf](#)
3. [1.3.3 Contoh Pemakluman Amanat Bulanan Rektor.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah merangka pelan pemantauan secara menyeluruh ke atas KPI yang telah ditetapkan bagi memastikan objektif dapat dicapai. Pemantauan ini dilakukan secara konsisten, progresif dan berkala agar momentum pelaksanaan itu berjalan dengan lancar seperti yang direncanakan. Setiap proses pemantauan ini disertakan dengan tempoh dan jangkamasa yang terbaik agar dapat memudahkan aspek pengurusan dan penambahbaikan. Menerusi projek yang telah dipilih, Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan agar projek-projek yang di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan ini mematuhi objektif yang telah ditetapkan serta berada pada landasan yang tepat. Untuk memastikan pemantauan dilakukan ke atas projek tumpuan, projek-projek yang mengambil masa panjang akan diberikan tumpuan khusus antaranya ialah Program penanaman nenas MD2, penanaman cili fertigasi, *Student Night Market Programme and Mentor Mentee Entrepreneurship Programme*, *Digital International Invention, Innovation and Design (DIIID) Johor*, Kolaborasi bersama Hayrat Foundation, Turki, Kolaborasi bersama *KHIND Starfish Foundation*, Karnival Usahawan Muda and *My Best Buy 2019*, dan *6th International Accounting & Business Conference (IABC) 2019* (**Lampiran 1.4.1.1**).

Melalui hasil pemantauan ini, Kepimpinan Kanan UiTMCJ dapat memantau keberkesanan sesuatu inisiatif yang telah dirancang. Informasi yang diperolehi ini akan menjadi indikator bagi penanda aras kepada program-program *ad-hock* yang lain. Ia juga membantu Kepimpinan Kanan UiTMCJ untuk mengambil langkah dengan mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirancang itu tidak mencapai sasaran. Punca ketidakcapaian akan dikaji agar langkah pembetulan dapat diambil dengan secepat mungkin. Kepimpinan Kanan sentiasa menyokong setiap inisiatif yang direncanakan agar semua projek dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Namun, terdapat juga beberapa faktor dan cabaran yang menyumbang ketidakcapaian sesuatu inisiatif dan perancangan yang telah direncanakan. Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa mengambil langkah yang progresif dan dinamik untuk mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada ketidakcapaian sesuatu inisiatif itu (**Lampiran 1.4.1.2**).

SENARAI BUKTI:

1. [1.4.1.1 Penerangan Pelan Pemantauan Bagi Setiap Projek Tumpuan..pdf](#)
2. [1.4.1.2 Mekanisme Mengenalpasti Punca Ketidakcapaian Projek Tumpuan.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sangat penting sebagai kesediaan menghadapi segala ancaman dan risiko yang wujud bagi memastikan objektif dan inisiatif strategi yang dirangka dapat dicapai. Oleh itu, Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa mengambil, memantau dan komited dalam menyediakan rancangan untuk menangani segala jangkaan risiko yang wujud dalam setiap projek di bawah Jaringan Industri. **Rujuk lampiran 1.4.2.1** untuk penjelasan pelan pemantauan risiko oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ terhadap projek dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Dengan adanya pelan pemantauan dan tindakan dalam mengatasi risiko yang ada, segala objektif dapat dilaksanakan.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4.2.1 Perancangan Pengurusan Risiko Kepimpinan Kanan UiTMCJ.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa peka terhadap isu yang dibangkitkan dalam menambahbaik prestasi sedia ada dalam bidang Jaringan Industri dan keusahawanan untuk UiTMCJ. Setiap isu dikaji dengan teliti bagi memastikan ianya mampu ditambahbaik. **Lampiran 1.4.3.1** menunjukkan hasil tindakan penambahbaikan prestasi yang telah dilakukan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ dalam setiap projek yang dipilih.

Segala risiko yang dihadapi semasa pelaksanaan program sentiasa dipantau oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ bagi memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur. Hasil tindakan penambahbaikan telah dikaji dengan teliti bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek yang dipilih mampu untuk meningkatkan lagi prestasi UiTMCJ di masa hadapan.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4.3.1 Hasil Tindakan Penambahbaikan Prestasi.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah merangka beberapa inisiatif untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Ianya bertujuan untuk menggalakkan keterlibatan staf dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Setiap inisiatif yang dirangka diketuai oleh staf yang berpengetahuan dalam bidang berkenaan dan disokong oleh jawatankuasa pelaksana yang komited dan berdedikasi dalam menjalankan tugas dan amanah. Secara amnya, inisiatif, usaha dan sokongan yang diberikan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ dibahagikan kepada tiga (3) aspek iaitu pembudayaan dan penggalakkan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan, sokongan kewangan serta pengiktirafan dan sanjungan. **Lampiran 1.5.1** menunjukkan rumusan inisiatif penggalakkan Jaringan Industri dan keusahawanan.

Aspek pertama iaitu pembudayaan dan penggalakan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan menerusi sokongan infrastruktur. Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa prihatin terhadap keperluan warga kampus dalam Jaringan Industri dan keusahawanan. Ini dapat dilihat melalui sokongan yang padu dan jitu dalam aspek penyediaan kemudahan untuk warga kampus meliputi pelbagai kemudahan infrastruktur seperti pengangkutan, penyediaan lokasi, perhubungan dan ruang. Infrastruktur ini memastikan interaksi Jaringan Industri dan Keusahawanan sentiasa terjalin antara UiTMCJ, masyarakat luar serta pihak industri dalam pelbagai bidang merangkumi keusahawanan, teknologi dan kepakaran sumber manusia. **Lampiran 1.5.2** menunjukkan rumusan senarai infrastruktur yang disediakan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ bagi menyokong aktiviti Jaringan Industri dan keusahawanan.

Seterusnya dalam aspek sokongan kewangan, Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa memberikan sokongan dalam bentuk kewangan bagi menyokong aktiviti Jaringan Industri dan keusahawanan dalam kalangan warga kampus. Dengan sokongan kewangan ini, Kepimpinan Kanan UiTMCJ mengharapkan agar warga kampus terus dapat menjalankan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan dengan lancar dan tersusun seperti yang dirancang bagi mencapai objektif universiti. Sokongan kewangan meliputi pembayaran yuran untuk menyertai pertandingan inovasi, pembentangan kertas kajian di konferansi dalam serta luar negara dan penyertaan bengkel yang berkaitan dengan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Selain itu, Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa menyokong permohonan pembiayaan dana daripada pihak luar bagi menjayakan lagi projek-projek yang dirancang. Tanda sokongan padu daripada Kepimpinan Kanan UiTMCJ dapat dilihat melalui jumlah kelulusan projek yang dipilih dibawah Jaringan Industri dan keusahawanan seperti di **lampiran 1.5.3**.

Sebagai menghargai usaha dan iltizam serta komitmen yang padu diberikan oleh warga kampus sebagai pelaksana utama inisiatif, Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa memberi pengiktirafan dan sanjungan terhadap komitmen warga kampus. Antara kaedah pengiktirafan dan sanjungan yang menjadi amalan Kepimpinan Kanan UiTMCJ adalah dengan mengumumkan kejayaan melalui hebahan web, emel dan *facebook*, memberikan sijil dan surat penghargaan serta meraikan kejayaan mereka dalam majlis penghargaan. Inisiatif ini dilakukan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ untuk memberikan motivasi dan galakan kepada warga kampus untuk terus melibatkan diri dalam bidang Jaringan Industri dan keusahawanan di masa hadapan. **Lampiran 1.5.4** menunjukkan pelaksanaan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ bagi memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada warga kampus.

Hasil dorongan, pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ secara tidak langsung menyemarakkan lagi perkembangan Jaringan Industri dan keusahawanan dengan positif dan meluas dalam kalangan warga kampus.

SENARAI BUKTI :

1. [1.5.1 Rumusan Inisiatif Penggalakan Jaringan Industri dan Keusahawanan.pdf](#)
2. [1.5.2 Kemudahan Infrastruktur.pdf](#)
3. [1.5.3 Sokongan Kewangan Daripada Kepimpinan Kanan UiTMCJ.pdf](#)
4. [1.5.4 Pengiktirafan dan Sanjungan.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ sentiasa memastikan visi dan misi UiTM dapat dicapai secara keseluruhan. Oleh yang demikian, perancangan strategik UiTMCJ adalah berdasarkan Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK-11) supaya ianya seiring dalam mencapai objektif negara terutamanya dari segi pendidikan. Sebagai sebuah institusi pendidikan, UiTMCJ bersikap optimis dengan menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan pihak industri mahupun komuniti dalam merealisasikan objektif UiTMCJ yang seiring dengan objektif RMK-11 UiTM. 5 teras utama telah digariskan oleh UiTMCJ iaitu, (1) Pengajaran dan Pembelajaran, (2) Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan, (3) Akademia, Industri dan Masyarakat, (4) Kepimpinan dan (5) Keusahawanan. Bagi pelaporan AKNC 2021, UiTMCJ telah memilih teras Akademia, Industri dan Masyarakat serta Keusahawanan kerana kesesuaian dalam fokus bidang tumpuan pelaporan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Komitmen warga UiTMCJ yang meliputi staf akademik dan staf pentadbiran sentiasa dititikberatkan dalam sesuatu pengurusan bagi membolehkan objektif dan inisiatif strategik yang dirancang dapat dicapai.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan hala tuju seiring dengan aspirasi UiTM sekaligus mendokong dasar RMK-11. Oleh yang demikian, rujukan kepada perancangan bidang tumpuan adalah berpandukan Perancangan Strategik UiTM 2016 – 2020 dan Pelan Strategik UiTM 2025 . Teras Akademia, Industri dan Masyarakat dan Keusahawanan telah dipilih oleh UiTMCJ bagi pelaporan AKNC pada tahun 2021. Pelan Strategik UiTM 2025 merupakan kesinambungan daripada Perancangan Strategik UiTM 2016-2020 yang telah digarap dengan amat baik sekali dalam memacu UiTM kepada sebuah universiti terkemuka dunia. Segala perancangan dalam Perancangan Strategik UiTM 2016 – 2020 diteruskan dan proses-proses pemantapan turut dititikberatkan dalam Pelan Strategik UiTM 2025 dan dilaksanakan secara sistematik. Bidang tumpuan Akademia, Industri dan Masyarakat merupakan hala tuju strategik UiTMCJ dalam menyuburkan perkongsian kepakaran dan pemindahan ilmu kepada industri serta masyarakat, manakala teras Keusahawanan memberi fokus terhadap persediaan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi membangunkan dan melahirkan pelajar dan graduan UiTMCJ yang berdaya keusahawanan di samping melahirkan lebih ramai lagi usahawan graduan.

Terdapat empat objektif strategik pada teras Akademia, Industri dan Masyarakat iaitu:

- 1) Memperluaskan jaringan antara Akademia, Industri dan Masyarakat. Ini adalah bagi meningkatkan aksesibiliti dari segi perkongsian ilmu yang akan membantu di dalam merealisasikan RMK-11;
- 2) Meningkatkan projek pemindahan ilmu dan akademia dengan kerjasama industri dan komuniti;
- 3) Melaksanakan lebih banyak program sangkutan industri bagi membolehkan staf akademik berkongsi pengetahuan dan menerokai idea baharu dan
- 4) Membuka dan meningkatkan penjana pendapatan melalui aktiviti jaringan.

Manakala bidang tumpuan Keusahawanan menumpukan graduan yang berdaya saing yang mahir dalam bidang keusahawanan. Justeru itu, terhasillah tiga tema iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement* selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang telah dibentuk di dalam Tema Strategik 2: *Entrepreneurial and Well-Balanced Graduates* dan Tema Strategik 5: *Industry, Community and Alumni Smart-Partnership*. (**Lampiran 2.2.1, Lampiran 2.2.2 dan Lampiran 2.2.3**)

SENARAI BUKTI:

1. [2.2.1 Objektif dan Inisiatif Strategik.pdf](#)
2. [2.2.2 Pemetaan RMK Ke-11 dan Pelan Strategik UiTM2025.pdf](#)
3. [2.2.3 Perancangan Strategik Tiga Tema Utama Jaringan Industri dan Keusahawanan UiTMCJ.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pada tahun 2019, UiTMCJ menggunakan pemetaan Teras Akademia, Industri dan Masyarakat dan Keusahawanan yang telah dirangka berdasarkan kepada RMK-11 UiTM 2016-2020. Sebelas (11) agenda utama UiTM telah diselaraskan dengan idea lonjakan di peringkat KPT. Manakala, pada tahun 2020, berpaksikan tiga (3) teras strategik PS UiTM 2025, UiTMCJ menekankan teras Pendidikan Berkualiti dan Kecemerlangan Global.

Pemetaan ini digunakan oleh seluruh unit, bahagian dan fakulti di UiTMCJ bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik tidak tersasar dari objektif yang ingin dicapai (**Lampiran 2.3.1**).

Dalam proses merealisasikan perancangan strategik, UiTMCJ memberi penekanan kepada dua agenda yang digariskan di dalam RMK-11 UiTM 2016-2020 iaitu kecemerlangan bakat dan kepimpinan. Manakala, pada tahun 2020, UiTMCJ menggunakan pemetaan Tema Strategik 2: *Entrepreneurial and Well-Balanced Graduates* dan Tema Strategik 5: *Industry, Community and Alumni Smart-Partnership* yang telah dirangka berdasarkan kepada Pelan Strategik UiTM 2025. Kecemerlangan bakat dilaksanakan menerusi hubungan akademia, industri dan masyarakat dengan mempraktikkan kepakaran universiti dan industri. Manakala, kepimpinan ialah menambah nilai proses pembangunan modal insan universiti melalui latihan secara menyeluruh dengan kerjasama industri, alumni dan masyarakat (**Lampiran 2.3.2**).

SENARAI BUKTI :

1. [2.3.1 Pemetaan Teras Akademia, Industri dan Masyarakat Dan Keusahawanan Terhadap Setiap Bidang Tumpuan.pdf](#)
2. [2.3.2 Pemetaan RMK-11 dan Pelan Strategik UiTM 2025.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCJ telah merangka pelan pemantauan secara menyeluruh ke atas Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dicapai. Pemantauan ini dilakukan secara konsisten, progresif dan berkala agar momentum pelaksanaan itu berjalan dengan lancar seperti yang direncanakan. Setiap proses pemantauan ini mengikut tempoh dan jangka masa yang ditetapkan bagi memudahkan proses penambahbaikan. Ini memastikan agar projek yang di jalankan di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dilaksanakan mengikut ketetapan objektif (**Lampiran 2.4.1.1**). UiTMCJ telah mengadakan bengkel pensejajaran Dokumen Perancangan Strategik 2016-2020 UiTM serta mengkoordinasi perancangan strategik setiap unit, bahagian dan fakulti agar selari dengan perancangan universiti dan Perangkaan Pelan Strategik UiTM 2025 pada 12 hingga 14 Februari 2020 di ILD Bandar Enstek (**Lampiran 2.4.1.2**). Penyebaran maklumat berkenaan objektif dan inisiatif strategik disebar luas kepada warga kampus melalui hebahan emel (**Lampiran 2.4.1.3**).

Dalam menjayakan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik dengan berkesan, UiTMCJ telah mengaplikasikan pelan pemantauan berdasarkan model IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts) dan PDCA (Plan, Do, Check, Action). Pelan pemantauan ini juga digunapakai oleh semua unit, bahagian dan fakulti di UiTMCJ terutamanya dalam mengurus dan melaksanakan pelbagai projek. Sebagai contoh, Kerjasama Strategik Bersama FAMA, Program Jaringan Kolaborasi Keusahawanan UiTMCJ antara LPNM dan FAMA, Program Kolaborasi Keusahawanan Tanaman Nanas MD2, dan Kursus Asas Keusahawanan akan menggunakan model IAOOI manakala dua lagi projek iaitu Program Hands on Penanaman Nanas MD2 dan Penanaman Cili Fertigasi akan menggunakan model PDCA (**Rujuk Kriteria 6**).

Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ telah menjalankan beberapa langkah dan cara bagi memantau projek yang dijalankan di UiTMCJ. Antara langkah yang dijalankan adalah pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang mana dilaksanakan pada setiap hujung bulan (**Lampiran 2.4.1.4**). Maklumat dikumpul melalui emel yang dihantar kepada semua pengurus projek. Perbincangan dengan pengurus projek turut diadakan bagi memantau perkembangan projek secara sistematik dan konsisten secara berkala. Sekiranya projek yang dilaksanakan di UiTMCJ memberi impak kepada universiti, maka sesi perkongsian ilmu bersama semua kakitangan UiTMCJ akan dilaksanakan. Perkongsian kejayaan ini akan ditambah nilai melalui penyebaran maklumat melalui emel kepada semua kakitangan UiTMCJ.

Melalui hasil pemantauan dengan menggunakan model IAOOI dan PDCA, UiTMCJ dapat memantau keberkesanan sesuatu objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Informasi yang diperolehi ini akan menjadi indikator bagi penanda aras kepada inisiatif lain yang dilaksanakan. Ia juga membantu pihak yang terlibat untuk mengambil langkah dengan mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirancang itu tidak menepati sasaran. Punca ketidakcapaian akan dikaji agar langkah pembetulan dan penambahbaikan dapat diambil dengan secepat mungkin.

SENARAI BUKTI:

1. [2.4.1.1 Pelan Pemantauan Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [2.4.1.2 Jemputan emel Bengkel Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [2.4.1.3 Penyebaran maklumat melalui emel kepada semua kakitangan UiTMCJ.pdf](#)

4. [2.4.1.4 Pengumpulan Maklumat Projek.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sangat penting sebagai kesediaan menghadapi segala ancaman dan risiko yang wujud bagi memastikan objektif dan inisiatif strategi yang dirangka dapat dicapai. Ia merupakan aspek utama bagi UiTMCJ untuk merealisasikan objektif dan strategi projek-projek di bawah tiga tema utama *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*.

Oleh itu, USTU UiTMCJ sentiasa mengambil, memantau dan komited dalam mengenalpasti setiap risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik bagi setiap projek yang dilaksanakan. Di samping itu, pemantauan terhadap risiko (**Lampiran 2.4.2.1**) dan perancangan pengurusan risiko (**Lampiran 2.4.2.2**) terhadap bidang tumpuan turut dirangka bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik. Selain itu, UiTMCJ juga meneliti SWOT analisis dalam memastikan risiko dapat diurus dengan baik (**Lampiran 2.4.2.3**).

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.2.1 Pemantauan Terhadap Risiko.pdf](#)
2. [2.4.2.2 Perancangan Pengurusan Risiko Bidang Tumpuan.pdf](#)
3. [2.4.2.3_SWOT Analisis UiTMCJ.pdf](#)

2.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCJ sentiasa berusaha meningkatkan keberhasilan sesuatu projek melalui inovasi hasil pelaksanaan atau penambahbaikan yang berterusan. Pemantauan berkala dilakukan kepada setiap penunjuk prestasi UiTMCJ yang telah dirangka memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur dan menambahbaik prestasi sedia ada dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 2.4.3.1**).

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.3.1 Inovasi Pelaksanaan_Penambahbaikan Perancangan Strategik.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui tiga tema utama dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan, Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah memberi sokongan dalam pelbagai aspek termasuk kemudahan peruntukan kewangan, kemudahan infrastruktur, pengiktirafan dan sanjungan serta program pembudayaan dan penggalakan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Hal ini dapat dilihat melalui pembudayaan elemen keusahawanan dalam setiap projek yang dijalankan oleh warga kampus UiTMCJ. Pelbagai program keusahawanan sepanjang tahun 2019 dan 2020 telah dianjurkan di seluruh unit, bahagian dan fakulti di UiTMCJ. **(Lampiran 2.5.1)**. Kekangan pandemik covid-19 yang melanda negara tidak mematahkan budaya keusahawanan dalam kalangan warga UiTMCJ. Hal ini dibuktikan melalui beberapa siri webinar keusahawanan yang telah dianjurkan oleh warga UiTMCJ **(Lampiran 2.5.2)**. Selain itu, pembudayaan aktiviti keusahawanan ini tidak hanya tertumpu dalam aktiviti dalaman sahaja, malah disebarluaskan ke peringkat kebangsaan. Hal ini dapat dilihat melalui, penglibatan dan pencapaian warga UiTMCJ dalam pertandingan keusahawanan di peringkat kebangsaan **(Lampiran 2.5.3)**.

Selain itu juga, UiTMCJ juga sentiasa menyokong penglibatan industri dalam menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Hal ini dapat dilihat melalui penganjuran program peringkat antarabangsa. Penganjuran ini sekaligus dapat memupuk budaya penglibatan industri merentas organisasi dan negara.

[\(Lampiran 2.5.4\)](#)

SENARAI BUKTI :

1. [2.5.1 Program Keusahawanan UiTMCJ.pdf](#)
2. [2.5.2 Sesi Perkongsian Webinar Keusahawanan.pdf](#)
3. [2.5.3 Penglibatan Pertandingan Peringkat Kebangsaan.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ sentiasa mengutamakan kepuasan pelanggan dan segala keperluan diperincikan oleh semua pihak di dalam universiti terutamanya dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan dalam mencapai visi dan misi institusi. Secara khususnya penumpuan pelanggan diberikan kepada staf, pelajar, industri dan komuniti. UiTMCJ sentiasa peka dengan jalinan dan kebergantungan di antara kumpulan sasaran melalui analisis, aduan dan maklumbalas yang diterima daripada pelanggan.

Projek-projek yang dirangka dan dianjurkan ini adalah bagi mempertingkatkan persepsi dan kepuasan pelanggan dengan memastikan kelestarian UiTMCJ bukan hanya sebagai pusat pendidikan pengajian tinggi tetapi sebagai salah satu institusi yang sentiasa mengutamakan kehendak kumpulan sasaran. Melalui penumpuan terhadap kumpulan sasaran, pihak UiTMCJ dapat memberi fokus yang lebih baik terhadap pelanggannya. Kaedah dan cara pelaksanaan telah dikenalpasti bermula daripada proses pengumpulan maklumat, aduan, analisa dan tindakan susulan berdasarkan kepada maklumbalas yang diperolehi.

Hasil daripada analisa yang dilakukan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan di bahagian dan unit UiTMCJ, beberapa mekanisme bagi menangani aduan berbangkit diwujudkan. Pemantauan ini diperlukan bagi memastikan setiap aduan berbangkit dapat ditangani secara holistik dan aduan ini dapat diselesaikan secara kaedah 'situasi menang-menang'.

UiTMCJ sentiasa memberi penekanan terhadap penglibatan kumpulan sasaran dalam sesuatu projek terutama dari aspek perancangan penambahbaikan. Penglibatan kumpulan sasaran ini amatlah penting bagi keberlangsungan projek dan memastikan objektif dan pelaksanaan sesuatu projek dicapai. UiTMCJ juga sentiasa memastikan segala aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan dengan mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas ini secara holistik dan optimum.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ sentiasa memastikan pendekatan yang diambil bagi mengenalpasti kumpulan sasar dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dilakukan dengan optimum. Beberapa inisiatif projek telah dirangka dan berjaya dianjurkan. Kumpulan sasar dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan yang dimaksudkan adalah pelanggan dalaman dan pelanggan luaran. Pelanggan dalaman merupakan staf dan pelajar manakala pelanggan luaran pula adalah daripada alumni, industri dan komuniti. Kumpulan pelanggan ini dikenalpasti berdasarkan kepada tiga tema utama Jaringan Industri dan Keusahawanan iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*. Semua staf UiTMCJ diberikan peluang untuk terlibat secara langsung dengan projek-projek yang dilaksanakan samada sebagai ketua projek, penasihat kelab-kelab keusahawanan pelajar, mentor, fasilitator, pensyarah pengiring dan paling penting sebagai peserta yang memberi sokongan untuk setiap projek yang dilaksanakan (**Lampiran 3.2.1**). Pelajar juga merupakan kumpulan sasar utama bagi merealisasikan projek-projek keusahawanan samada di dalam mahupun di luar kampus. Agensi kerajaan seperti FAMA dan LPNM pula merupakan rakan utama kerjasama strategik yang banyak memberikan bimbingan dan juga sokongan kewangan (**Lampiran 3.2.2**). Pihak industri juga memainkan peranan penting dalam memastikan segala projek yang dirancang dapat dijalankan dengan lancar (**Lampiran 3.2.3**). Selain itu, komuniti setempat dan masyarakat umum antara pelanggan luaran yang mendapat manfaat serta faedah daripada projek-projek Jaringan Industri dan Keusahawanan yang dilaksanakan oleh UiTMCJ. Usaha mempertingkatkan persepsi dan kepuasan pelanggan adalah dengan memastikan kelestarian UiTMCJ bukan hanya sebagai pusat pengajian pendidikan tinggi malah sebagai salah satu institusi yang sentiasa mengutamakan kehendak pemegang taruh. Kaedah pengenalpastian kumpulan sasar bagi setiap tema utama telah diperincikan dalam **Lampiran 3.2.4**.

SENARAI BUKTI:

1. [3.2.1 Gotong Royong Aktiviti Penanaman Cili Dan Nanas.pdf](#)
2. [3.2.2 Diskusi Bersama Industri.pdf](#)
3. [3.2.3 MoU Bersama Industri.pdf](#)
4. [3.2.4 Kaedah Kumpulan Sasar Dikenalpasti.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan kepuasan hati pelanggan berada di tahap terbaik, UiTMCJ sentiasa memastikan segala data pelanggan dikumpul, disimpan dan dikenalpasti dengan efektif. Beberapa kaedah pengumpulan data pelanggan diperincikan dalam **Lampiran 3.3.1** berpandukan tiga (3) tema utama Jaringan Industri dan Keusahawanan. Data pelanggan daripada setiap projek ini amat penting bagi mengukur pencapaian projek yang telah dijalankan dan membantu dalam proses penganalisaan bagi tujuan penambahbaikan di masa akan datang. Data berkaitan pelaksanaan projek-projek Jaringan Industri dan Keusahawanan dikumpulkan secara berkala oleh ketua-ketua projek yang telah dilantik. Dokumen salinan keras (*hardcopy*) akan disimpan di dalam fail mengikut nama projek manakala dokumen salinan lembut (*softcopy*) pula akan disimpan di dalam google drive. Kedua-dua jenis dokumen ini diselenggara serta dikemaskini oleh kerani di pejabat BPJIA UiTMCJ (**Lampiran 3.3.2**). Bagi projek di bawah tema *Industry Agropreneur* dan *Entrepreneurial Hub*, Koordinator MASMED akan membentangkan status semasa untuk setiap projek di dalam mesyuarat berkala BPJIA bagi membincangkan masalah yang dihadapi dan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil bagi memastikan kelancaran projek di peringkat yang seterusnya. Timbalan Rektor BPJIA UiTMCJ juga telah mengambil inisiatif menerbitkan laporan tahunan aktiviti BPJIA di dalam Buku Laporan Tahunan Aktiviti BPJIA yang diberi nama *i-PRESTIGE* bermula pada tahun 2019 (**Lampiran 3.3.3**). Penerbitan laporan tahunan ini telah membolehkan kesemua data berkaitan aktiviti keusahawanan pelajar dan pensyarah dan kerjasama strategik dapat dikumpul dan disimpan dengan lebih sistematik serta dapat dicapai dan diperolehi dalam masa yang singkat. Laporan ini juga boleh diakses melalui laman web UiTMCJ.

Data-data yang telah dikumpul menunjukkan penglibatan kumpulan sasaran secara holistik telah membantu dalam membangunkan bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. **Lampiran 3.3.4** menunjukkan bagaimana UiTMCJ melibatkan kumpulan sasaran dalam menjayakan pelaksanaan setiap projek yang telah dirancang. Pendekatan pelaksanaan dilakukan melalui pelbagai projek yang dijalankan dengan jalinan kerjasama yang erat bersama pihak berkepentingan yang mempunyai sinergi dengan UiTMCJ (**Lampiran 3.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [3.3.1 Kaedah Data Dikumpul Disimpan dan Dikenalpasti.pdf](#)
2. [3.3.2 Contoh Surat Kelulusan dan Kertas Kerja.pdf](#)
3. [3.3.3 Penerbitan Majalah i-Prestige dan Buletin Paradigma.pdf](#)
4. [3.3.4 Penglibatan Kumpulan Sasar.pdf](#)
5. [3.3.5 Contoh Penglibatan Kumpulan Sasar Dalam Projek.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCJ sentiasa memastikan setiap projek yang dijalankan di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat memberikan impak positif kepada semua kumpulan sasaran yang terlibat. Perincian kebaikan dan ganjaran yang diperoleh kumpulan sasaran diterangkan dalam **Lampiran 3.4.1.1**. Melalui projek-projek yang telah dirancang, pelbagai kebaikan dan ganjaran telah diperoleh semua kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti termasuklah staf, pelajar, pihak industri dan juga komuniti (**Lampiran 3.4.1.2**).

SENARAI BUKTI:

1. [3.4.1.1 Kebaikan dan Ganjaran Diperolehi Kumpulan Sasar.pdf](#)
2. [3.4.1.2 Perkongsian Kepakaran oleh Pihak Industri.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCJ komited dalam memastikan segala projek yang dirancang berjalan lancar. Oleh yang demikian, segala risiko projek dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan diteliti dan dibincang supaya ianya dapat diselesaikan dengan efektif. Hal ini bagi memastikan kesemua pelanggan yang terlibat terus mendapat kebaikan daripada projek yang dilaksanakan. Oleh yang demikian, UiTMCJ mengambil langkah proaktif dalam pengurusan risiko dengan mengenalpasti kaedah pengurusan risiko bagi setiap projek di bawah tema utama Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 3.4.2.1**). Antara risiko utama yang dikenalpasti ialah penglibatan dan komitmen staf dan pelajar yang sangat rendah dalam projek-projek yang dilaksanakan samada aktiviti penanaman nanas dan cili fertigasi, projek keusahawanan dan projek kolaborasi. Faktor risiko ini mungkin disebabkan oleh staf dan pelajar tidak berminat dengan projek-projek yang dilaksanakan. Selain itu, antara risiko lain adalah agensi kerajaan dan pihak industri tidak meneruskan kerjasama dalam tempoh masa yang sepatutnya. Antara kaedah pengurusan risiko bagi mengatasi isu penglibatan dan komitmen staf dan pelajar adalah dengan memberikan staf dan pelajar yang terlibat surat lantikan dan sijil penghargaan (**Lampiran 3.4.2.2**). Selain itu, jawatankuasa pelaksana projek boleh mengambil inisiatif dengan membuat hebahan dan promosi yang lebih intensif dan berkesan untuk menggalakkan penyertaan daripada staf dan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [3.4.2.1 Kenalpasti Risiko dan Kaedah Pengurusan Risiko.pdf](#)
2. [3.4.2.2 Contoh Surat Lantikan Penyelaras Projek.pdf](#)

3.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil daripada analisa yang dilakukan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan di bahagian dan unit UiTMCJ serta borang maklumbalas peserta yang terlibat dengan setiap projek yang dilaksanakan, beberapa mekanisma bagi menangani aduan berbangkit diwujudkan (**Lampiran 3.4.3.1**). Hal ini diperlukan bagi memastikan setiap aduan berbangkit dapat ditangani secara holistik dan aduan ini dapat diselesaikan secara kaedah 'situasi menang-menang'. **Lampiran 3.4.3.2** menunjukkan mekanisma dan tindakan yang digunakan oleh UiTMCJ bagi menangani masalah atau aduan berbangkit daripada pihak pelanggan berdasarkan projek tumpuan.

SENARAI BUKTI :

1. [3.4.3.1 Contoh Penambahbaikan Maklumbalas Projek.pdf](#)
2. [3.4.3.2 Tindakan Maklumbalas Terhadap Perkhidmatan.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan segala aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan, UiTMCJ sentiasa proaktif dalam mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas pelanggan ini secara holistik dan optimum menggunakan kaedah sistem pengkomputeran yang mesra pengguna. Perkara ini amat penting bagi melaksanakan segala penambahbaikan melalui hasil analisa yang diterima. **Lampiran 3.5.1** menunjukkan inovasi dan penambahbaikan yang dilakukan kepada projek yang berkaitan bagi meningkatkan kadar kepuasan pihak-pihak yang berkepentingan dalam tiga tema utama Jaringan Industri dan Keusahawanan. Tanah lereng bukit di sepanjang jalan masuk ke UiTMCJ dioptimumkan dengan penanaman nanas. Ini memberikan landskap yang lebih menarik berbanding tanah kosong yang terbiar. Penanaman cili fertigasi di dalam kawasan kampus juga menambahkan elemen hijau di dalam kampus bersesuaian dengan konsep kampus *Simfoni Alam, Digital dan Bestari (Lampiran 3.5.2)*. Disamping itu, sokongan kepada pelajar dalam menyertai pertandingan keusahawanan di peringkat kebangsaan juga merupakan satu pencapaian dalam melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran keusahawanan (**Lampiran 3.5.3**). Beberapa MoU juga telah dimeterai dalam menggalakkan penglibatan bersama industri (**Lampiran 3.5.4**). Satu permulaan projek kolaborasi juga telah membuka peluang lebih banyak projek kolaborasi di masa akan datang. Contohnya projek kolaborasi pelaksanaan 6th IABC di Indonesia dengan kerjasama Indonesia Banking School (IBS) telah menjadi titik permulaan pemeteraian enam (6) Letter of Intent (LoI) dengan institusi pengajian tinggi lain di Indonesia dalam tahun 2019 [Lampiran 3.5.5](#).

SENARAI BUKTI :

1. [3.5.1 Keberkesanan Tindakan dan Inovasi Penambahbaikan Projek.pdf](#)
2. [3.5.2 Kejayaan Proses Penanaman Nanas dan Cili.pdf](#)
3. [3.5.3 Kelulusan Ke Peringkat Akhir Pertandingan FUSE UiTMCJ.pdf](#)
4. [3.5.4 Majlis Pemeteraian MoU Bersama Industri.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ sentiasa memastikan segala perancangan dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Oleh yang demikian, setiap pelaksanaan inisiatif strategik UiTMCJ sentiasa realistik dan berteraskan kemampuan warga kampus. Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan setiap warga UiTMCJ maklum berkenaan setiap inisiatif strategik yang telah dirancang. Hal ini diterangkan kepada warga pada setiap Amanat Rektor yang telah dijalankan. Pemakluman ini juga diperincikan dalam MKSP, MKB, mesyuarat JKEN dan juga mesyuarat akademik. Bagi memastikan setiap projek yang dirancang tercapai, UiTMCJ mengesyorkan objektif yang ditetapkan dapat dikenalpasti dan diukur selaras dengan kemampuan warga kampus. Melalui objektif dan item ukuran ini, Kepimpinan Kanan UiTMCJ melantik beberapa ketua program yang berkeelayakan untuk merealisasikan program-program yang telah diatur. Pelantikan ketua program ini dinilai melalui kepakaran seseorang staf dalam menjalankan sesuatu program terutama dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Hasil daripada program yang telah dijalankan, kepimpinan kanan UiTMCJ bersama pihak-pihak terlibat akan mengkaji dan membuat analisa bagi setiap program yang telah dianjurkan. Melalui analisa ini, segala tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat dikenalpasti dan dijalankan. Hal ini amat penting dalam setiap item pengukuran, kerana dapat menambahbaik, dari segi kewangan, kecekapan dan kepakaran warga UiTMCJ.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ telah berusaha dalam merancang masa depan organisasi untuk ke tahap yang lebih tinggi, maju dan berdaya saing di samping memperluas hubungan dengan komuniti dan organisasi luar. Bagi tujuan tersebut, UiTMCJ telah menetapkan KPI yang bersesuaian bagi mengukur pencapaian Jaringan Industri dan Keusahawanan. Perancangan ini dapat dilihat melalui *Strategic Action Plan (SAP)* UiTMCJ (**Lampiran 4.2.1**). KPI ini ditetapkan bagi memastikan pencapaian setiap unit, bahagian dan fakulti berada pada tahap kecemerlangan yang optimum. Disamping itu juga, penetapan KPI oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ mengambil kira tiga tema utama dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan iaitu *Industry Agropreneur, Entrepreneurial Hub, dan Smart Industry Engagement*. Item ukuran yang digunakan bagi mengukur bidang ini diperjelaskan lagi dalam senarai di **Lampiran 4.2.2**. Buktinya dapat dilihat melalui jumlah MoU dan MoA (**Lampiran 4.2.3**) yang berjaya dilaksanakan oleh UiTMCJ, serta bilangan aktiviti komuniti dan keusahawanan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 dan 2020 (**Lampiran 4.2.4**).

SENARAI BUKTI:

1. [4.2.1 SAP UiTMCJ 2020.pdf](#)
2. [4.2.2 Petunjuk Prestasi Jaringan Industri dan Keusahawanan UiTMCJ.pdf](#)
3. [4.2.3 Senarai MoU MoA dan Lol UiTMCJ.pdf](#)
4. [4.2.4 Senarai Aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan 2019 2020.pdf](#)
- 5.

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Item ukuran yang telah ditetapkan ini dikumpul dari semasa ke semasa bagi tujuan mengukur pencapaian semasa. Pengukuran data telah dilakukan secara sistematik dan mengikut prosedur analisa data. **Lampiran 4.3.1** menunjukkan item ukuran, data yang digunakan dan kekerapan analisa data bagi pengukuran prestasi UiTMCJ mengikut tiga tema utama, iaitu *Industry Agropreneur, Entrepreneurial Hub, dan Smart Industry Engagement*.

SENARAI BUKTI :

1. [4.3.1 Senarai Item Ukuran dan Data Kekerapan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah merancang dan menjalankan beberapa projek Jaringan Industri dan Keusahawanan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Kesemua projek ini memerlukan strategi dan kaedah pemantauan yang baik bagi memastikan projek berjalan dengan lancar, disamping mengenalpasti segala risiko dan permasalahan yang muncul.

Proses pemantauan dilakukan melalui mesyuarat secara berkala oleh ketua projek dan dibantu ahli jawatankuasa yang terlibat. Maklumbalas dan analisa daripada proses pemantauan tersebut dibincangkan bersama Timbalan Rektor BPJIA dan Koordinator-koordinator yang terlibat. Segala permasalahan dikenalpasti dan diperincikan bagi memastikan projek yang dijalankan dapat dilaksanakan dengan lancar. Antara pelan pemantauan yang telah dibuat untuk setiap projek yang dirancang adalah melantik jawatankuasa tetap untuk mengendalikan projek (**Lampiran 4.4.1.1**). Seterusnya, melibatkan kelab–kelab pelajar UiTMCJ sebagai tenaga kerja (**Lampiran 4.4.1.2**), dan membuat kolaborasi dengan organisasi–organisasi luar (**Lampiran 4.4.1.3**).

Di samping itu, USTU UiTMCJ juga telah menjalankan beberapa strategi pemantauan projek–projek yang dijalankan. Antara strategi yang dibuat adalah membuat pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, membuat perbincangan secara berkala dengan pengurus projek dan mengadakan sesi perkongsian bersama warga untuk menyebarkan maklumat berkaitan projek–projek yang dijalankan.

Melalui strategi dan pelan yang telah dibuat, data yang dikumpul dapat dianalisa dan seterusnya digunakan untuk merancang penambahbaikan prestasi setiap projek. Dengan mengumpul data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, jawatankuasa dapat melihat kemajuan untuk sesuatu projek dan mengenalpasti sama ada projek berjalan mengikut perancangan ataupun tidak. Selain itu, dengan membuat mesyuarat secara berkala, sebarang masalah yang timbul dalam sesuatu projek dapat dikenalpasti dan penyelesaian dapat dicari dengan segera. Dengan mengadakan sesi perkongsian bersama warga UiTMCJ, warga dapat diberi pendedahan tentang projek yang dijalankan, dan ini juga mampu untuk menarik minat warga untuk melibatkan diri dalam projek–projek tersebut.

SENARAI BUKTI:

1. [4.4.1.1 Contoh Ahli Jawatankuasa Program.pdf](#)
2. [4.4.1.2 Contoh Kerjasama Bersama Kelab Pelajar.pdf](#)
3. [4.4.1.3 Contoh Kerjasama Organisasi Luar.pdf](#)
- 4.
- 5.

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap perancangan bagi sesuatu program pastinya mempunyai risiko. UiTMCJ sentiasa memastikan segala risiko dapat dikenalpasti melalui pemantauan yang cekap oleh pihak-pihak terlibat. Hal ini amat penting dari segi pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan kerana kegagalan menangani risiko akan menyebabkan ketidakcapaian objektif sesuatu projek. Bagi ketiga-tiga tema iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*, risiko ini dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak industri dan juga melalui beberapa siri lawatan tapak yang dikendalikan oleh UiTMCJ (**Lampiran 4.4.2.1 dan Lampiran 4.4.2.2**).

Risiko pelaksanaan program dikenalpasti sebelum, semasa dan selepas program melalui mesyuarat yang dijalankan. Laporan juga disediakan bagi mengenalpasti cadangan atau maklumbalas daripada peserta yang merangkumi pelajar, pensyarah, pihak industri dan juga pihak berkepentingan. Secara keseluruhan, UiTMCJ telah mengenalpasti beberapa risiko yang memerlukan perhatian daripada pihak yang terlibat (**Lampiran 4.4.2.3**).

SENARAI BUKTI :

1. [4.4.2.1 Perbincangan bersama Industri.pdf](#)
2. [4.4.2.2 Siri Lawatan Tapak.pdf](#)
3. [4.4.2.3 Jenis Risiko bagi Pengukuran dan Analisa Data.pdf](#)
- 4.

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan dapat dijalankan dengan lancar, UiTMCJ telah menghasilkan satu pelan untuk mengatasi risiko–risiko yang telah dikenalpasti. Pelan tindakan ini terhasil daripada perbincangan yang melibatkan jawatankuasa program serta Kepimpinan Kanan UiTMCJ. Ini bagi memastikan tindakan penambahbaikan dapat dilakukan secara menyeluruh bagi mengatasi risiko-risiko yang telah dikenalpasti. **Lampiran 4.4.3** menunjukkan perancangan yang dilakukan bagi mengatasi risiko tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [4.4.3 Pelan Tindakan bagi Pengurusan dan Analisa Data.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan berterusan dan inovasi amatlah penting bagi memastikan program dan kerjasama yang dilaksanakan dapat memberi impak terbaik seterusnya meningkatkan aksesibiliti dari segi Jaringan Industri dan Keusahawanan yang dapat membantu meningkatkan prestasi UiTM CJ.

Berpandukan kepada dapatan hasil serta analisa bagi setiap program, cadangan yang diterima telah dibincangkan dan langkah-langkah penambahbaikan telah diambil bagi memastikan program berjalan dengan lebih baik pada masa akan datang. **Lampiran 4.5** menunjukkan penambahbaikan atau inovasi bagi setiap program.

SENARAI BUKTI :

1. [4.5 Penambahbaikan dan Inovasi.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia merupakan komponen penting yang perlu dititikberatkan agar staf dapat menyumbang ke arah pencapaian matlamat universiti, khususnya, dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan, dengan memfokuskan kepada tiga tema utama iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*. UiTMCJ mengambil pendekatan secara holistik dengan mengambil kira elemen PDCA dalam memastikan penglibatan keseluruhan warga kampus terhadap bidang tumpuan.

Melalui elemen Perancangan (*Plan*), Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa memberikan penekanan terhadap penglibatan staf demi mencapai Pelan Strategik UiTM 2025. Kepimpinan Kanan bersama Ketua-Ketua Bahagian berganding bahu melalui perbincangan dalam menghasilkan Pelan Strategik UiTMCJ serta melantik jawatankuasa yang diberi autoriti, fungsi dan tugas. BPJIA diberi tanggungjawab selaku tunjang utama untuk menguruskan program Jaringan Industri dan Keusahawanan. Setiap unit di bawah BPJIA akan membentuk jawatankuasa kecil serta merancang perjalanan program berdasarkan tiga tema utama iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*.

Pada peringkat Pelaksanaan (*Do*) pula, UiTMCJ memastikan projek-projek tumpuan dilaksanakan dengan optimum, melantik staf berkelayakan sebagai ketua projek, pengendali bengkel, penceramah, perunding dan penasihat. Setelah program dilangsungkan, laporan, analisa serta pemantauan dilakukan untuk mengenalpasti keberkesanan program serta penambahbaikan.

Melalui Pemantauan (*Check*), kepuasan hati staf dipantau agar mereka merasa gembira dalam menyempurnakan tugas yang diamanahkan dengan sokongan dari pihak pengurusan, rakan sekerja serta persekitaran yang selesa, termasuk fleksibiliti bidang tugas, komunikasi dua hala, bimbingan dan perkongsian maklumat sesama rakan sekerja serta kemudahan kampus yang lengkap dan berkualiti. Aduan dan maklumbalas boleh dilakukan secara lisan, borang aduan, *e-aduan* dan *e-maklumbalas*. Tindakan dengan kadar segera dilakukan dan analisa direkodkan untuk penambahbaikan. Risiko perlu ditangani dengan menyediakan pelan tindakan beserta prosedur operasi standard. Antara risiko yang menjejaskan bidang tumpuan termasuk bebanan kerja yang tinggi, program tidak mendapat sambutan, tiada kepakaran serta kerosakan fasiliti. Risiko tanpa pemantauan yang sempurna mengakibatkan sasaran terhadap bidang tumpuan tidak tercapai. Pemantauan persekitaran yang lestari menjamin kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan warga kampus. Antara tindakan untuk memastikan persekitaran yang kondusif adalah menyediakan prasarana yang lengkap dengan pemeriksaan secara berkala, mengadakan kempen amalan hijau serta menganjurkan gotong royong. Di samping itu, pembudayaan sistem kerja yang positif mewujudkan persekitaran yang harmoni. Pemantauan perkhidmatan pelanggan diukur sebulan sekali manakala maklumbalas peserta terhadap program diukur selepas program berakhir. Maklumbalas difailkan untuk tindakan, penyelesaian serta pengauditan. Dengan pengurusan maklumbalas yang sempurna, sesuatu tindakan dapat diambil dengan cekap dan pantas.

Dari sudut Penambahbaikan (*Act*), inovasi terhasil dari pemantauan, analisa sistem kerja sedia ada serta pencarian peluang penambahbaikan. '*MASMED Educators Expert*' serta penerbitan elektronik Majalah i-Prestige dan Paradigma adalah inovasi UiTMCJ yang mewujudkan amalan pembangunan pangkalan data yang memudahkan proses kerja serta menambah baik sistem pengumpulan data. Penghargaan dan pengiktirafan dibudayakan dengan meraikan pencapaian staf agar kecemerlangan dapat disemarakkan. Ucapan tahniah, sijil serta surat penghargaan diberikan kepada staf yang berjaya memperolehi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC),

kenanan pangkat, pemenang pertandingan inovasi dan penerima geran penyediaan. Medium penghargaan dimanifestasi melalui majlis rasmi, mesyuarat serta media elektronik.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ telah menetapkan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan bagi tujuan pelaporan AKNC 2021 (**Lampiran 5.2.1**) selaras dengan misi MASMED 'Transformasi Kehidupan Melalui Keusahawanan'. Bagi menjayakan tiga tema utama iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*, UiTMCJ sentiasa merangka strategi penglibatan sumber manusia untuk memberi ruang dan peluang kepada staf menyerlahkan bakat keusahawanan, meningkatkan kemahiran melalui latihan dan penyediaan laluan kerjaya.

Di UiTMCJ, bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah di bawah tanggungjawab BPJIA yang diterajui oleh Timbalan Rektor BPJIA dan disokong oleh barisan koordinator berpengalaman di Kampus Segamat dan Pasir Gudang (**Lampiran 5.2.2**).

Dalam usaha ke arah '*Globally Renowned University*', UiTMCJ amat komited dalam menerapkan dan melatih setiap warganya untuk lebih proaktif, efisien dan mempunyai ciri keusahawanan yang berinovasi dan produktif. Kepakaran dan penglibatan staf terhadap bidang tumpuan dioptimalkan dalam setiap aktiviti perundingan, khidmat masyarakat, keusahawanan serta jalinan industri melalui penubuhan jawatankuasa program dan jawatankuasa kecil, kelab dan persatuan yang ditubuhkan bagi menggerakkan inisiatif strategik berdasarkan KPI yang telah ditetapkan. Justeru, UiTMCJ telah mengambil beberapa inisiatif untuk memupuk budaya kreatif dan dinamik melalui penglibatan staf dalam pelbagai program dan sokongan daripada pengurusan tertinggi melalui 4 peringkat:

- a) Pembuat dasar & polisi: Staf terlibat sebagai kepimpinan tertinggi, Rektor, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Ketua Bahagian dan Ketua Pusat Pengajian.
- b) Perancang & pelaksana program: Staf terlibat sebagai ketua projek, koordinator, ahli jawatankuasa, penasihat, penyelarasa, panel, mentor, pegawai pengiring dan fasilitator.
- c) Meluluskan program: Staf terlibat sebagai kepimpinan tertinggi, Rektor, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Ketua Bahagian dan Ketua Pusat Pengajian.
- d) Pemantau program: Staf terlibat sebagai auditor dalaman, koordinator, ketua projek dan ahli jawatankuasa yang dilantik.

UiTMCJ mengambil pendekatan secara holistik dalam memastikan penglibatan warga kampus bagi mencapai Perancangan Strategik 2016-2020 (RMK-11) dan Pelan Strategik UiTM 2025. Sasaran KPI UiTMCJ bagi tahun 2019 dan tahun 2020 adalah sebanyak 51 KPI (**Lampiran 5.2.3**). Sasaran KPI ini menjadi penunjuk kepada pencapaian pelaksanaan dan sekaligus bertindak sebagai alat untuk mengukur produktiviti dan keberkesanan bidang tumpuan. Pelbagai program latihan staf turut dilaksanakan dalam usaha UiTMCJ meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf. Di samping itu, UiTMCJ sentiasa memupuk budaya keusahawanan dan pelbagai inisiatif dan penghargaan diberi dalam membentuk warga yang berdaya saing dan lebih efektif. Penglibatan staf dalam bidang tumpuan juga turut diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan.

SENARAI BUKTI:

1. [5.2.1 Minit Mesyuarat JKEN.pdf](#)
2. [5.2.2 Carta Organisasi BPJIA.pdf](#)

3. [5.2.3 Jumlah Sasaran KPI UiTMCJ 2019 2020.pdf](#)

4.

5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCJ mengoptimalkan staf untuk mencapai bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan dengan melantik staf berpengalaman untuk mengetuai unit di bawah BPJIA berdasarkan kelayakan akademik, gred jawatan, keahlian badan profesional dan pengalaman industri dalam mencapai KPI UiTMCJ (**Lampiran 5.3.1**).

Pembangunan pangkalan data '*MASMED Educators Expert*', (**Lampiran 5.3.2**) dapat mengenalpasti staf yang mempunyai kepakaran keusahawanan, antaranya, memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah serta pensijilan profesional yang dikeluarkan oleh badan – badan seperti KPT, KPM, AKEPT, Cambridge serta Harvard di dalam bidang keusahawanan. Pengumpulan data MyRA pula menilai kapasiti UiTMCJ dari sudut keupayaan penyelidikan dengan sasaran '*benchmark*' berbanding universiti lain (**Lampiran 5.3.3**). Ianya menzahirkan pengoptimuman kepakaran seperti, staf dengan kelayakan professional, staf yang dihantar bertugas ke luar negara, bilangan projek penyelidikan berasaskan komuniti serta '*Technology Diffusion Projects*' (**Lampiran 5.3.4**).

Kepakaran staf UiTMCJ juga dioptimumkan dalam menjayakan bidang tumpuan dengan lantikan sebagai penasihat program, panel pertandingan, penceramah, mentor pelajar, penyelaras dan pensyarah pengiring. Kepakaran staf turut diiktiraf oleh pihak luar dengan dijemput untuk mengendalikan bengkel, perundingan serta menjadi tetamu untuk diwawancara di stesen radio dan televisyen. Pengoptimuman kepakaran staf dapat ditingkatkan dengan memastikan semua staf mencapai sekurang - kurangnya 42 jam latihan setahun serta memperolehi kelayakan dan kompetensi yang diperlukan.

Kepimpinan Kanan UiTMCJ turut memberikan sokongan kewangan untuk terlibat di dalam penerbitan, persidangan serta pertandingan inovasi bagi mencapai bidang tumpuan. Antaranya dengan menyediakan Skim Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel dengan bayaran maksima sebanyak RM1,000 setiap artikel bagi tujuan menggalakkan sinergi penerbitan artikel dan sitasi di kalangan staf, token penyertaan menghadiri konferensi (dalam negara berjumlah RM300 (berindeks), luar negara sebanyak RM600 (berindeks)), token penyertaan menghadiri bengkel (dalam negara berjumlah RM200, luar negara RM500) serta token penyertaan menghadiri IIID / DIIID (anjuran UiTMCJ berjumlah RM400, anjuran pihak luar sebanyak RM300).

Pengalaman sumber manusia UiTMCJ pula dioptimumkan dengan mengenalpasti pengalaman industri, keahlian di dalam badan professional, '*networking and linkages*' semasa pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, semasa pembentangan di persidangan serta pertandingan inovasi. Semua maklumat serta pengalaman ini dikumpulkan di dalam satu pangkalan data supaya kegiatan Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dikembangkan.

Hasil pengoptimuman kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang jaringan industri dan keusahawanan di manifestasi melalui pelaksanaan projek berimpak tinggi UiTMCJ seperti di **Lampiran 5.3.5**.

SENARAI BUKTI :

1. [5.3.1 Surat Lantikan Koordinator.pdf](#)

2. [5.3.2 MASMED Educators Expert.pdf](#)
3. [5.3.3 Membership Professional Bodies.pdf](#)
4. [5.3.4 Network Linkages.pdf](#)
5. [5.3.5 Pelaksanaan Program Jaringan Industri dan Keusahawanan UiTMCJ.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Tahap kepuasan hati seseorang staf tertakluk kepada kegembiraan menyempurnakan tugas yang diamanahkan dengan sokongan dari pihak pengurusan, rakan sekerja serta persekitaran yang selesa dan berkualiti. Staf akan merasa berpuas hati bilamana mereka dapat mengembangkan potensi diri selari dengan visi dan misi UiTM. Hasil Taburan Indeks Kegembiraan (*'Happiness Index'*), tahap kepuasan hati staf UiTMCJ berada pada kategori Sederhana Gembira. UiTMCJ memperolehi Taburan Indeks Kegembiraan sebanyak 72% pada 2020 mengikut model Permai, dibandingkan dengan UiTM secara keseluruhan, yang memperolehi sebanyak 73% (**Lampiran 5.4.1.1**). Walaubagaimanapun, beberapa aspek sokongan dan kemudahan sentiasa dititikberatkan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ bagi memastikan program di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dijalankan dengan lancar. (**Lampiran 5.4.1.2**)

UiTMCJ menyediakan platform aduan staf melalui beberapa kaedah iaitu aduan secara lisan, sesi dialog di dalam mesyuarat, borang aduan maklumbalas pelanggan dan medium elektronik seperti *e-aduan dan e-Maklum* (**Lampiran 5.4.1.3**). Aduan yang diutarakan akan direkodkan dan siasatan serta tindakan dengan kadar segera dilakukan sehingga aduan selesai. Analisa aduan akan dilaporkan untuk penambahbaikan secara menyeluruh di dalam mesyuarat yang berkaitan.

Kepimpinan Kanan UiTMCJ sentiasa menyokong projek yang telah dijalankan di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan. Medium mesyuarat secara maya atau bersemuka menjadi platform untuk menambah baik dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan sumber manusia yang terlibat (**Lampiran 5.4.1.4**).

SENARAI BUKTI:

1. [5.4.1.1 Laporan UiTMCJ Happiness Index.pdf](#)
2. [5.4.1.2 Sokongan dan Kemudahan oleh UiTMCJ.pdf](#)
3. [5.4.1.3 Contoh Medium Aduan dan Soal Selidik Staf.pdf](#)
4. [5.4.1.4 Contoh Penambahbaikan Maklumbalas dan Aduan Staf.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko yang tidak ditangani dengan sempurna akan mengakibatkan sasaran terhadap bidang tumpuan tidak tercapai. Risiko merupakan perkara yang boleh menjejaskan pencapaian atau objektif sesebuah organisasi, termasuk sebarang kerugian, kelemahan pengurusan, kecederaan, kerosakan, serta halangan. Risiko perlu diuruskan dengan sebaiknya agar kecemerlangan dapat diteruskan. Pengurusan risiko pula merupakan polisi, prosedur dan proses mengenalpasti risiko dan memilih pelan tindakan terbaik bagi menguruskan risiko tersebut.

UiTMCJ merujuk kepada objektif dan strategi universiti dalam mengenalpasti risiko yang boleh menjejaskan objektif tersebut. Objektif UiTMCJ adalah sasaran KPI yang perlu dicapai oleh UiTMCJ melalui tiga tema utama iaitu '*Industry Agropreneur*', '*Entrepreneurial Hub*' dan '*Smart Industry Engagement*' (**Lampiran 5.4.2.1**). Secara keseluruhan, UiTMCJ berjaya mencapai 87% sasaran KPI pada 2019 sementara pencapaian bagi tahun 2020 menurun kepada 80.93% (**Lampiran 5.4.2.2**). Risiko yang wujud perlu dikenalpasti dan dinilai supaya tidak menggagalkan pencapaian objektif.

Dari aspek pengurusan sumber manusia, risiko tersebut boleh diklasifikasikan berdasarkan projek merangkumi faktor – faktor seperti bebanan kerja staf yang tinggi, aktiviti tidak mendapat sambutan, tiada kepakaran untuk menggerakkan bidang tumpuan dan kekurangan pemantauan dan penyelenggaraan sumber manusia. Seterusnya, pengurusan risiko perlu dilakukan dalam menyediakan pelan tindakan bagi memastikan risiko yang telah dikenalpasti dapat dikurangkan (**Lampiran 5.4.2.3**).

Tindakan pemantauan perlu dilakukan untuk menilai sama ada langkah kawalan risiko yang dicadangkan dijalankan dan memastikan keberkesanannya dalam mewujudkan impak keberhasilan projek. Dengan adanya penilaian risiko yang efektif, pengumpulan maklumat dapat digunakan oleh pengurusan tertinggi untuk mengenalpasti punca - punca kelemahan sistem yang perlu diberi perhatian, seterusnya mengurus strategi dan operasi dengan lebih berkesan (**Lampiran 5.4.2.4**).

SENARAI BUKTI :

1. [5.4.2.1 Program Jaringan Industri dan Keusahawanan UiTMCJ.pdf](#)
2. [5.4.2.2 Sasaran dan Pencapaian KPI UiTMCJ 2019 2020.pdf](#)
3. [5.4.2.3 Risiko dan Pelan Tindakan Risiko Projek BPJIA.pdf](#)
4. [5.4.2.4 Hasil dari Pelan Tindakan Risiko.pdf](#)
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCJ amat menitikberatkan persekitaran yang lestari agar warga kampus terjaga dari segi kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan (**Lampiran 5.4.3.1**). Kemudahan yang disediakan adalah seperti dewan kuliah, kelas TEC, makmal, bilik mesyuarat, bilik seminar, surau, tandas, *wifi* dan gimnasium. Semua aset UiTMCJ direkodkan dari aspek pembelian, jangka hayat, susut nilai serta penyelenggaraan. Antara tindakan untuk memastikan persekitaran yang kondusif adalah menyediakan prasarana yang lengkap dengan pemeriksaan secara berkala, menganjurkan gotong royong, mengamalkan pendekatan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), mengadakan kempen amalan hijau dan penjimatan kos dan melaksanakan audit dalaman (**Lampiran 5.4.3.2**).

Berkonsepkan 'Kampus Simfoni Alam, Digital dan Bestari', UiTMCJ membudayakan amalan hijau melalui *industry agropreneur*, merangkumi program – program kolaborasi bersama industri berkaitan keusahawanan dalam bidang pertanian (**Lampiran 5.4.3.3**). Di samping aspek prasarana secara fizikal, pembudayaan sistem kerja yang positif berjaya menyemarakkan hubungan sesama warga kampus melalui program kemasyarakatan seperti gotong royong, menziarahi staf yang sakit dan kematian serta aktiviti kerohanian serta cara hidup sihat seperti ibadah korban, ceramah *Tafaqquh Fiddin*, kelas mengaji Al-Quran, bacaan Yassin, solat hajat, kejohanan sukan antara staf serta pertandingan *Jom Sihat, Ceria, Cergas* (**Lampiran 5.4.3.4**).

Kepimpinan UiTMCJ sentiasa menitikberatkan maklum balas staf terhadap sistem kerja, persekitaran, keberkesanan perjalanan program keusahawanan dan jalinan industri serta lain – lain isu yang dihadapi. Maklumbalas perkhidmatan pelanggan misalnya diukur sebulan sekali manakala maklum balas peserta terhadap program anjuran bahagian UiTMCJ akan diukur setelah program berakhir. Pengurusan maklumbalas staf terhadap impak pengendalian, keberkesanan serta masalah – masalah yang timbul adalah penting bagi memastikan tindakan serta penambahbaikan dapat dilaksanakan. Maklumbalas ini akan direkodkan, disiasat, dianalisa, dibincangkan di dalam mesyuarat serta difailkan untuk tindakan serta pengauditan. Dengan pengurusan maklumbalas yang sempurna, sesuatu tindakan dapat diambil dengan cekap dan pantas (**Lampiran 5.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [5.4.3.1 Perkhidmatan dan Kemudahan UiTMCJ.pdf](#)
2. [5.4.3.2 Penyelenggaraan Perkhidmatan dan Kemudahan UiTMCJ.pdf](#)
3. [5.4.3.3 Kolaborasi Industri Agropreneur UiTMCJ.pdf](#)
4. [5.4.3.4 Program Kemasyarakatan Kepada Staf UiTMCJ.pdf](#)
5. [5.4.3.5 Contoh Penambahbaikan Maklumbalas dan Aduan Staf.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Antara inovasi yang terhasil dari pelaksanaan pengurusan sumber manusia adalah penubuhan pangkalan data '*MASMED Educators Expert*' yang menghimpunkan data mengenai staf UiTMCJ yang mempunyai kepakaran keusahawanan (**Lampiran 5.5.1**). Staf juga dilantik sebagai mentor kepada perniagaan yang dikendalikan oleh pelajar, PKS serta komuniti. Di samping itu, proses maklumbalas secara maya juga dipraktikkan melalui laman sesawang e-maklum bagi memudahkan pihak - pihak terlibat untuk mendapatkan maklumbalas serta analisa (**Lampiran 5.5.2**).

UiTMCJ juga menzahirkan inovasi melalui penerbitan Laporan Tahunan BPJIA iaitu Majalah i-Prestige serta Paradigma MASMED. Penerbitan yang dihasilkan mulai tahun 2019 ini mengupas pencapaian UiTMCJ di dalam menganjurkan program bertemakan Jaringan Industri dan Keusahawanan di peringkat dalaman serta luaran kampus (**Lampiran 5.5.3**).

Kesemua inovasi ini mewujudkan amalan pembangunan pangkalan data yang sistematik. Ianya menjadi rujukan berpusat untuk pelaporan kegiatan bidang tumpuan, memudahkan proses kerja serta menambah baik sistem pengumpulan data. Pengiktirafan Anugerah Koordinator Cawangan Paling Aktif 2019 kepada Koordinator MASMED UiTMCJ membuktikan UiTMCJ sentiasa bergiat aktif dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 5.5.4**).

Amalan meraikan pencapaian prestasi staf yang memberangsangkan sejajar dengan visi dan misi UiTMCJ diberikan ganjaran agar kecemerlangan dapat disemarakkan. Medium penghargaan dimanifestasi melalui penyampaian surat penghargaan, sijil serta hebahan secara terus di majlis rasmi, pemakluman di mesyuarat serta perkongsian di media elektronik UiTMCJ (**Lampiran 5.5.5**) seperti *Facebook* dan *Youtube* Rasmi UiTMCJ. Antara penghargaan yang diberikan termasuk:

- Ucapan tahniah, keraihan serta surat penghargaan kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang mempamerkan prestasi cemerlang. Seramai 69 org warga UiTMCJ menerima APC pada tahun 2020.
- Pembudayaan penghargaan diberikan kepada staf yang memenangi Anugerah Akademik Universiti, pemenang pertandingan inovasi, penerima geran penyelidikan, penulis buku, makalah serta jurnal, penerima kenaikan pangkat serta Ijazah Falsafah Kedoktoran.
- Melalui Unit Korporat dan Kelab Pensyarah UiTMCJ, program sambutan serta makluman emel dibudayakan kepada staf sempena sambutan Hari Raya peringkat UiTMCJ, hari kelahiran, persaraan, perpindahan serta perkahwinan.

SENARAI BUKTI :

1. [5.5.1 MASMED Educators Expert.pdf](#)
2. [5.5.2 Sistem Maklumbalas e-maklum.pdf](#)
3. [5.5.3 Penerbitan Majalah i-Prestige serta Buletin Paradigma MASMED.pdf](#)
4. [5.5.4 Surat Penghargaan Anugerah Koordinator Aktif.pdf](#)
5. [5.5.5 Ucapan Penghargaan dan Pengiktirafan.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Setiap projek di bawah tiga tema utama ini telah dilaksanakan berpaksikan proses-proses utama yang telah ditetapkan. Proses-proses utama ini dapat digambarkan dengan lebih jelas melalui dua model proses iaitu **The Logic Model Approach** (*Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impact (IAOOI)*) dan Model **Plan-Do-Check-Action (PDCA)**.

Model IAOOI yang diaplikasi oleh UiTMCJ melibatkan dua peringkat utama iaitu Proses yang Dirancang (merangkumi *Inputs* dan *Activities*) dan Hasil yang Disasarkan (merangkumi *Outputs, Outcomes* dan *Impact*). UiTMCJ sentiasa memastikan sesuatu projek yang dijalankan menepati model proses ini bermula dengan *Inputs* iaitu mengenalpasti objektif projek dan sumber-sumber yang ada bagi menjayakan projek. Sumber-sumber ini termasuklah kewangan, peluang pengaplikasian dan tenaga kerja. Setelah itu, *Activities* dilaksanakan di mana penggunaan sumber dirancang bagi mencapai misi dan objektif projek. Hasilnya, *Outputs* atau perolehan ini dapat dilihat termasuklah penjana pendapatan, perolehan geran atau tajaan, pembukaan tapak projek dan sebagainya. Daripada *Outputs*, akan terhasil *Outcomes* iaitu manfaat yang diperolehi oleh pihak-pihak terlibat dan kumpulan sasaran. UiTMCJ sentiasa memastikan projek yang dilakukan tidak hanya bermanfaat kepada penganjur tetapi juga memberi kesan positif seperti peningkatan kemahiran kumpulan sasaran, penjimatan bajet oleh kumpulan pengurusan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat. Akhirnya, *Outcomes* ini membawa kepada *Impact* iaitu kesan-kesan positif projek yang dijalankan dalam jangka masa panjang. Ini termasuklah kemampuan kemahiran atau impak kewangan yang terhasil serta jaringan industri yang terbina.

Model PDCA pula melibatkan empat peringkat iaitu *Plan, Do, Check* dan *Act*. Pada peringkat *Plan*, UiTMCJ sentiasa memastikan objektif projek ditetapkan dan permasalahan yang membawa kepada penganjuran projek dikenalpasti. Pada peringkat ini juga, Kepimpinan Kanan UiTMCJ dan unit-unit terlibat mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyelesaikan permasalahan projek dirancang. Kemudian, proses ini diteruskan dengan *Do* di mana unit-unit yang terlibat melaksanakan projek untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Pada peringkat *Check* pula, keberkesanan projek diukur dan hasil projek dibandingkan untuk mengetahui sejauh mana objektif dicapai melalui perbincangan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ dan unit-unit terlibat. Selain itu, proses seperti ujilari mungkin juga dijalankan dan dapatannya dianalisa sekali lagi. *Check* boleh berlaku setelah pelaksanaan projek berakhir dan semasa pelaksanaan sedang berlangsung. Akhirnya, pada peringkat *Act*, penambahbaikan dilakukan berdasarkan pengukuran keberkesanan dan analisa yang telah dibuat. Jika projek masih berjalan, *Act* akan meningkatkan keberkesanan projek. Jika pelaksanaan projek telah selesai, penambahbaikan diambil maklum untuk meningkatkan keberkesanan projek susulan. Kitaran ini akan berterusan di mana berdasarkan pemerhatian pada peringkat *Check* permasalahan baru akan ditemui dan penambahbaikan pada peringkat *Act* pula akan memberi input kepada penghasilan projek baru. Projek baru ini akan memulakan kitaran *PDCA* yang baru.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses pelaksanaan sesuatu projek digambarkan dalam **Lampiran 6.2.1**. Bermula dengan penemuan masalah atau sesuatu tajuk, kertas kerja dibuat dengan perancangan dan pendekatan yang sistematik. Setiap kertas kerja mengandungi pengenalan projek, objektif, cadangan aktiviti dan anggaran kewangan (**Lampiran 6.2.2**). Seterusnya, lawatan industri akan dijalankan untuk melihat masalah sebenar. Jaringan industri atau jalinan dua hala dilakukan untuk memastikan hasil yang akan diperolehi dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak (**Lampiran 6.2.3**). Dalam masa yang sama, pemantauan akan dilakukan. Hasil pemantauan tersebut kemudiannya akan digunakan untuk semakan pengurusan dalam penghasilan inovasi seterusnya yang secara tidak langsung akan menambahbaik prestasi. Setelah mengenalpasti risiko, tindakan pencegahan akan dilaksanakan. Sebarang bentuk penambahbaikan prestasi dilaksanakan mengikut keperluan dan diakhiri dengan penghasilan inovasi. Jika permasalahan baru dikenalpasti melalui penulisan laporan akhir, proses kerja untuk projek baru akan dimulakan.

SENARAI BUKTI:

1. [6.2.1 Proses Pelaksanaan Projek.pdf](#)
2. [6.2.2 Contoh Kertas Kerja.pdf](#)
3. [6.2.3 Perbincangan Bersama Industri.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Secara umumnya, setiap penganjur yang ingin menjalankan projek universiti mestilah melalui proses-proses utama yang telah ditetapkan. Projek-projek di bawah tiga tema utama ini didapati mematuhi kesemua proses-proses utama ini. Gerak kerja sesetengah projek dapat dijelaskan mengikut model *The Logic Model Approach (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impact (IAOOI))* manakala projek-projek lain pula berpandukan model *Plan-Do-Check-Action (PDCA)*.

Lampiran 6.3.1 menunjukkan projek-projek yang dijalankan berdasarkan model *The Logic Model Approach (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impact (IAOOI))* manakala **Lampiran 6.3.2** pula menunjukkan projek-projek yang dijalankan berdasarkan model *Plan-Do-Check-Action (PDCA)*.

SENARAI BUKTI :

1. [6.3.1 Pelaksanaan Projek Berdasarkan Model IAOOI.pdf](#)
2. [6.3.2 Pelaksanaan Projek Berdasarkan Model PDCA.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan bagi tiga tema utama dijalankan secara penghantaran laporan kepada pihak universiti bagi tujuan penyimpanan dan juga penambahbaikan (**Lampiran 6.4.1.1**). **Lampiran 6.4.1.2** adalah gambaran carta alir bagi penghantaran laporan ke PTJ. Secara ringkas, laporan yang dihantar kepada UiTMCJ mengandungi kertas kerja bagi setiap aktiviti yang telah disemak dan diluluskan oleh PTJ dalam memastikan segala butiran dalam permohonan penganjuran projek dan program adalah lengkap (**Lampiran 6.4.1.3**). Hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bagi setiap projek dalam Lampiran 6.3.1 dan Lampiran 6.3.2 dirangkumkan seperti di **Lampiran 6.4.1.4**.

SENARAI BUKTI:

1. [6.4.1.1 Surat Mohon Laporan Pencapaian AKtiviti Keusahawanan Fakulti dan Kampus.pdf](#)
2. [6.4.1.2 Carta Alir Penghantaran Laporan Kepada PTJ.pdf](#)
3. [6.4.1.3 Contoh Laporan Program.pdf](#)
4. [6.4.1.4 Jangkaan Hasil Objektif dan Inisiatif Strategik.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dan implikasinya terhadap kemampuan melaksanakan fungsi dan objektif organisasi telah menjadi isu utama yang diberi penekanan oleh UiTMCJ (**Lampiran 6.4.2.1**). Pengurusan risiko tidak terhad kepada penyelarasan aktiviti bagi mengurangkan berlaku kerugian semata-mata, malah melibatkan aktiviti penyelarasan bersepadu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu operasi UiTMCJ termasuk aktiviti pembangunan kapasiti untuk meningkatkan profesional warga UiTMCJ khususnya.

Dalam konteks UiTMCJ, risiko ialah kesan ketidaktentuan kepada pencapaian matlamat Pelan Strategik UiTM, kesan kepada kewangan, kesan terhadap operasi dan kesan kepada pentadbiran universiti. Kemahiran menguruskan risiko ini akan dapat menyelaraskan pelan tindakan sebagai satu kawalan dalaman melalui tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang dihadapi (**Lampiran 6.4.2.2**).

SENARAI BUKTI :

1. [6.4.2.1 Proses Pengurusan Risiko UiTMCJ.pdf](#)
2. [6.4.2.2 Perancangan Pengurusan Risiko Operasi UiTMCJ.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kajian semula ke atas hasil proses merupakan kunci utama dalam menentukan tindakan penambahbaikan yang terbaik dan bersesuaian. Merujuk kepada model PDCA, masalah-masalah yang menjejaskan keberkesanan projek dikenalpasti di peringkat *Check*. Penambahbaikan di peringkat *Act* pula dijalankan serta-merta bagi masalah yang kurang kritikal. Bagi masalah yang lebih kritikal pula, terdapat penglibatan pihak atasan. Proses ini melibatkan mesyuarat *post-mortem* yang dijalankan bagi mengenalpasti amalan terbaik untuk panduan dan rujukan projek-projek lain. Selain itu, mesyuarat *post-mortem* juga bertujuan mengenalpasti punca masalah yang timbul dalam penganjuran sesuatu program supaya masalah ini dapat dielakkan, diselesaikan ataupun diminimakan untuk projek susulan pada masa akan datang (**Lampiran 6.4.3.1**). Seterusnya, pencapaian projek ini beserta dengan permasalahan yang timbul dan tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan dibincangkan di dalam mesyuarat berkaitan (**Lampiran 6.4.3.2**).

SENARAI BUKTI :

1. [6.4.3.1 Carta Alir Proses Penambahbaikan Program.pdf](#)
2. [6.4.3.2 Contoh Penambahbaikan Maklumbalas dan Aduan Staf.pdf](#)
- 3.
- 4.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kejayaan sesuatu projek tidak hanya diukur dengan hasil akhir bersifat *one-off* sahaja memandangkan kebanyakan projek berpotensi menyumbangkan faedah secara berterusan. Oleh yang demikian, penambahbaikan berterusan haruslah diambil kira. Kebiasaannya, penambahbaikan berterusan lebih mudah diaplikasikan melalui projek bersiri yang mempunyai sela masa tidak terlalu singkat dan tidak terlalu lama.

Sebagai contoh, inovasi penerbitan majalah Paradigma Johor yang telah mencapai siri ke-4 memuatkan laporan bergambar yang dapat memberikan rujukan dan panduan kepada pembaca dalam menambahbaik projek-projek mereka selain menyuntik idea dalam penghasilan inovasi baharu. Hal ini bermaksud, tidak hanya penerbitan majalah Paradigma Johor yang ditambahbaik dari satu siri ke siri berikutnya, ia juga memberi inspirasi kepada projek-projek lain untuk melalui proses penambahbaikan dan inovasi seumpamanya. Selain itu, majalah ini juga boleh diakses secara meluas contohnya agensi luar dan orang awam melalui laman sesawang UiTMCJ. Kenyataan diatas dapat dibuktikan dengan **Lampiran 6.5.1**.

SENARAI BUKTI :

1. [6.5.1 Penerbitan Majalah i-Prestige serta Buletin Paradigma MASMED UiTMCJ.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL PERLAKSANAN STRATEGI

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik merupakan perkara penting dalam sesebuah organisasi. UiTM CJ tidak terkecuali dimana melalui Perancangan Strategik UiTM 2016-2020 dan Pelan Strategik UiTM 2025, pelbagai teras ditekankan. Melalui teras ini, UiTM CJ memfokuskan kepada dua teras utama yang merangkumi jaringan industri dan keusahawanan iaitu (1) Teras Akademia, Industri dan Masyarakat dan (2) Teras Keusahawanan. Walaupun UiTM merupakan institusi pendidikan tinggi, jaringan industri dan keusahawanan adalah merupakan salah satu elemen penting yang dapat melonjakkan nama UiTM bukan sahaja di persada negara, malah persada antarabangsa.

Bagi menjayakan teras jaringan industri dan keusahawanan, UiTM CJ memfokuskan kepada tiga projek tumpuan iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*. Kerjasama bersama rakan strategik dari pihak industri, agensi kerajaan dan universiti dalam dan luar negara menjadi agenda penting bagi UiTM CJ dalam penerokaan ilmu dan bidang baharu secara berterusan. Hasil kerjasama ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada warga universiti dan rakan kerjasama strategik malah turut memberi nilai tambah kepada masyarakat.

Selain itu, Pelan Strategik UiTM 2025 juga amat penting dalam membantu UiTM CJ dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berdaya saing dalam alam pekerjaan, malah turut menjadi usahawan dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada negara. Umum mengetahui bahawa pada tahun 2020, dunia telah dilanda Pandemik Covid-19 yang sedikit sebanyak menyukarkan penglibatan dalam jaringan industri. Namun begitu, UiTM CJ terus komited menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak berkaitan dan juga melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan keusahawanan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.1.2 HASIL TAHAP PELAKSANAAN STRATEGI.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.1.3 HASIL TREN PELAKSANAAN STRATEGI.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.1.4 HASIL PERBANDINGAN PELAKSANAAN STRATEGI.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.1.5 HASIL KEPENTINGAN PELAKSANAAN STRATEGI.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARI TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil yang diperolehi pelanggan dan maklumbalas yang diterima adalah merupakan faktor utama kepada keberkesanan sesuatu projek atau aktiviti itu dijalankan. Selain itu, perbandingan juga perlu dilakukan bagi mengetahui tahap pencapaian sesuatu projek yang dijalankan. Perbandingan tersebut mengukur tahap pencapaian sebenar projek dengan petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, petunjuk prestasi tahun 2019 dan 2020 yang berbandukan Perancangan Strategik UiTM 2016-2020 (RMK-11) dan Pelan Strategik UiTM 2025 telah dibincangkan bagi membandingkan pencapaian sebenar bagi keseluruhan pencapaian UiTM CJ demi merealisasikan agenda utama universiti. Merujuk kepada petunjuk prestasi tersebut, hampir kesemuanya mencapai sasaran atau lebih dengan pencapaian seratus peratus.

Dalam tempoh ini, UiTM CJ memberi penekanan terhadap 3 tema utama iaitu *Industry Agropreneur, Entrepreneurial Hub, dan Smart Industry Engagement*. Kebanyakan projek yang dijalankan melalui ketiga-tiga tema ini mengambil kira maklumbalas daripada peserta. Ini adalah untuk mengetahui tahap kepuasan hati mereka dan sebarang maklumbalas yang boleh diberikan kepada pihak penganjur. Maklumbalas tersebut adalah amat penting kepada UiTM CJ demi memastikan setiap projek dan program yang dijalankan di bawah teras Jaringan Industri dan Keusahawanan ini bukan sahaja berjaya mencapai objektifnya, bahkan mampu memberikan impak dan manfaat kepada semua pelanggan yang terlibat. Selain itu, penekanan terhadap hasil dari tumpuan kepada pelanggan juga turut menyumbang kepada proses penambahbaikan di masa akan datang.

Penganjuran DIIID 2019 dan 2020 serta IABC 2019 misalnya, lebih memberi tumpuan terhadap aspek memperkasakan para akademik dengan menyediakan platform bagi pertandingan inovasi dan juga konferensi. Kedua-dua program ini juga telah dijalankan dengan menggunakan platform digital. Perkara ini menyumbang kepada lebih banyak penyertaan di samping membuka ruang kepada kerjasama dari pelbagai pihak termasuk institusi pengajian tinggi dari dalam dan juga luar negara.

Sesungguhnya setiap projek yang dijalankan berdasarkan 3 tema utama ini amat menitikberatkan impak positif yang diterima oleh peserta yang terlibat sama ada dalam kalangan staf dan pelajar UiTM CJ sendiri mahupun masyarakat setempat. Perbincangan terperinci dilakukan bagi kesemua projek dari sudut hasil penglibatan pelajar dan staf UiTM CJ, hasil penglibatan industri dan badan profesional serta hasil penglibatan komuniti dan masyarakat setempat

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.2.2 HASIL TAHAP TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.2.3 HASIL TREN TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.2.4 HASIL PERBANDINGAN TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.2.5 HASIL KEPENTINGAN TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARI TUMPUAN SUMBER MANUSIA

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ sentiasa komited dalam memastikan segala perjalanan projek yang dirancang berjalan dengan lancar melalui komitmen yang tinggi daripada warga kampus. Sokongan dan kemudahan yang disediakan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCJ telah banyak membantu staf-staf yang terlibat dalam menjayakan tiga tema utama bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*.

Keusahawanan merupakan satu program yang memberi fokus untuk melahirkan usahawan dan meningkatkan kualiti usahawan yang sedia ada dengan melengkapkan diri melalui ilmu pengetahuan, kemahiran pengurusan perniagaan dan ciri keusahawanan supaya seseorang itu mampu menjadi usahawan yang berdaya saing dan maju. Program ini juga bertujuan untuk menanam semangat berdikari serta memberi kesedaran kepada peserta mengenai peluang perniagaan dan memberi pengetahuan asas pengurusan perniagaan kepada staf UiTMCJ. Atas usaha dan komitmen yang jitu daripada tenaga kerja di semua peringkat, UiTMCJ telah berjaya melaksanakan beberapa program berkaitan keusahawanan melibatkan program dalaman dan luaran. Inisiatif ini merupakan salah satu cara yang membolehkan staf UiTMCJ mendapatkan pengetahuan dan ilmu keusahawanan di samping menjalankan kerja hakiki. Program yang dianjurkan mendapat perhatian dari pelbagai pihak termasuk staf sokongan, staf akademik dan Kepimpinan Kanan UiTMCJ.

Penyelidikan merupakan elemen penting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi untuk menjadikannya sentiasa relevan dengan perkembangan arus semasa. UiTMCJ tidak terkecuali dalam memastikan penyelidikan yang dihasilkan memberi impak kepada masyarakat menerusi kerjasama dengan organisasi dan industri sama ada setempat ataupun antarabangsa. Peruntukan geran dalaman (Geran Bestari) menjadi pemangkin supaya penyelidikan bersama industri dapat dijalankan dengan berkesan. Disamping itu, aktiviti perundingan dirancakkan supaya perkongsian ilmu dan kepakaran dengan masyarakat tidak diketepikan.

UiTMCJ sentiasa komited untuk menjadi sebuah universiti yang unggul dan aktif dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Justeru, adalah penting untuk mengenalpasti keberkesanan penglibatan sumber manusia dalam usaha menjalinkan kerjasama industri dengan badan luar. Indikator utama yang digunakan oleh UiTMCJ adalah berteraskan kepada komitmen yang tinggi yang telah ditunjukkan oleh semua staf di semua peringkat.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.3.2 HASIL TAHAP SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.3.3 HASIL TREN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.3.4 HASIL PERBANDINGAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.3.5 HASIL KEPENTINGAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)